

# Dr. Mahathir: Awasi ajaran dakwah salah

B. H. - 5 JUN 1979

BAGAN DATOH, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam mengawasi ajaran dakwah yang disampaikan oleh orang-orang yang tidak tahu mengenai agama secara mendalam.

Menurut Timbalan Perdana Menteri itu, ajaran dakwah yang menyeleweng dan salah hanya akan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam sekiranya tidak diawasi.

Berucap di majlis dalog dengan ahli-ahli UMNO Bahagian Bagan Datoh di sini semalam, beliau menekankan betapa pentingnya masalah agama kepada penganut-penganutnya.

"Manusia sanggup berpisah, berjuang dan

mati kerana agama mereka.

"Tetapi yang lebih penting, seorang itu perlu faham apakah dengan perbuatannya itu, dia benar-benar mempertahankan agama Islam," soalnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Perak, menjelaskan Kerajaan memang menggalakkan kegiatan dakwah di negara ini, asalkan ia dilakukan menerusi cara yang betul.

Menurut beliau, ada pihak-pihak yang sengaja menggunakan isu-isu agama untuk mendapatkan sokongan.

"Sebab itulah kita mendengar tentang adanya perbuatan-perbuatan pelik yang dilakukan atas nama agama," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan umat Islam memberi perhatian berat terhadap kegiatan dakwah yang menyeleweng.

"Kalau tidak, saya kawatir satu hari nanti, orang Islam akan mulai tidak mengiktirafkan orang Islam yang lain," katanya.

Beliau menyentuh tentang adanya penuntut Islam di pusat-pusat pengajian tinggi luar negeri yang didapati menyalah tafsirkan perkataan-perkataan dalam agama.

Mengenai perkembangan agama Islam di negara ini, beliau berkata, keadaan di negara ini mengagumkan ramai pelawat dari negara Islam lain.